



Subur budaya politik **berhemah**

Hampir setiap hari kita disajikan dengan pelbagai berita berkaitan dunia politik tanah air dan jelas sekali kebanyakannya adalah berita yang cukup mual dan muak. Jujurnya rakyat semakin bosan dengan drama politik yang sedang berlaku di negara kita umpama sinetron yang tiada kesudahan.

Walaupun Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) sudah lama berlalu, namun jelas sekali bahangnya masih terasa, malah boleh dikatakan suhunya semakin mendidih. Tindakan sesetengah ahli politik yang terlalu berpolitik sepanjang masa menyebabkan rakyat tertanya-tanya bila mahu buat kerja untuk rakyat?

Jelas sekali budaya politik di negara kita sudah jauh berubah berbanding zaman dulu. Kalau dulu bahang politik hanya terasa ketika musim pilihan raya, tetapi sekarang hampir setiap hari dan sepanjang masa. Sedar tak sedar ini sekali gus menyediakan suatu platform yang cukup menarik kepada rakyat untuk melihat, meneliti, memantau dan menilai perangai, tingkah laku, gelagat dan cara kerja setiap parti dan juga ahli politik.

Percayalah tindakan terlalu berpolitik seperti ini sebenarnya boleh disifatkan umpama menjerat diri sendiri di khalayak ramai atau membuka pekung di dada. Bukti, setiap hari kita didedahkan dengan perangai jelik ahli dan parti politik yang tidak matang, tidak profesional, malah tidak berintegriti.

Isu fitnah, dendam, politik perkauman, sibuk mencari salah orang lain, rasuah dan politik wang seolah-olah sudah menjadi darah daging dan sebahagian daripada kehidupan harian sesetengah ahli politik kita.

Persoalannya, apa yang rakyat sebagai pengundi boleh harapkan dari ahli politik seperti ini? Apakah ini balasan yang adil dan wajar diterima pengundi yang menyokong dan mengundi mereka? Penulis percaya sebagai pengundi, sudah ada rakyat yang menyesal dan marah dengan tingkah laku tidak matang dan tidak berintegriti pemimpin yang dipilih.

Namun, apakah daya nasi sudah menjadi bubur dan perlu tunggu lima tahun lagi. Apapun kita harap landscape dan persekitaran politik yang tidak sihat ini dapat diubah dan diperbetulkan segera sebelum rakyat semakin muak dan bosan.

Malah, jangan terkejut jika keadaan seperti ini berterusan, ada kemungkinan satu hari nanti rakyat akan bangkit memboikot atau memulaukan pilihan raya di negara ini. Jika itu berlaku, maka berkuburlah sistem demokrasi yang kita banggakan

selama ini.

Maka timbul persoalan, apa yang rakyat mahukan sebenarnya dari ahli politik? Dalam bahasa yang mudah, rakyat mahukan baik parti politik mahupun individu ahli politik di negara ini menyuburkan, mengamalkan dan membudayakan politik yang matang dan berintegriti.

Kedua-dua sifat ini sepatutnya menjadi darah daging dan perhiasan diri setiap ahli politik. Rakyat sudah tidak mahu lagi berkompromi mahupun tolak ansur dalam soal ini. Misalnya, dalam keghairahan berpolitik, kita faham masing-masing terlalu teruja dan taasub dengan parti, fahaman dan ideologi tersendiri tetapi tidak perlulah ada unsur fitnah dan matlamat menghalalkan cara.

Budaya fitnah melalui penyebaran berita palsu terutama menggunakan media sosial seperti Facebook dilihat semakin menjadi-jadi dan cukup membimbangkan kita. Penyebaran demi penyebaran pelbagai berita palsu dan fitnah menyebabkan rakyat semakin keliru sehingga menjejaskan emosi, perasaan dan pemikiran kita.

Berita berbentuk provokasi, misalnya bukan saja boleh menaikkan rasa marah tetapi turut boleh mencetuskan huru-hara dan pertelingkahan antara kita. Percayalah perselisihan dan pergaduhan kerana politik kotor

Biarlah politik menjadi wadah dan platform murni yang boleh menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia. Elak juga budaya politik perkauman, ia tidak sihat untuk negara majmuk seperti kita

seperti ini amat tidak berbaloi dan tidak menguntungkan mana-mana pihak.

Rakyat dan negara boleh hancur jika perkara ini dibiarkan berlarutan. Jelas pada hari ini kebanyakan ahli politik kita kurang matang dan profesional dalam soal ini. Sama ada mereka sendiri yang sebar fitnah atau mengupah *cybertrooper* untuk melakukannya, termasuk tidak menghalang penyokong mereka yang melakukan perbuatan itu.

Tindakan tidak beretika dan tidak bertanggungjawab seperti ini cukup menyedihkan dan amat dikesali. Kita tidak mahu ahli politik seperti ini ada dalam negara kita. Akibat dendam tak sudah budaya samseng dan gangsterisme juga semakin berleluasa dan menjadi-jadi. Ini kita dapat lihat ketika setiap musim atau kempen pilihan raya.

Tindakan ahli politik sama ada mengupah samseng atau menghasut penyokong untuk menyerang dan membuat

provokasi kepada pihak lawan cukup membimbangkan. Sudah banyak kali kita dapat melihat pergaduhan antara penyokong parti dan adakah ini budaya politik matang yang wajar dipertontonkan kepada kita?

Bagi rakyat terutama dalam era Malaysia Baharu ini kita semakin terbuka dan bebas. Kita mahu meraikan amalan demokrasi yang matang, kita mahu meraikan perbezaan pandangan dan ideologi, justeru kita mahu melihat persaingan atau pertandingan yang sihat antara semua parti bertanding.

Kita mahu setiap parti menonjolkan sisi positif masing-masing supaya akan memudahkan rakyat untuk membuat pilihan yang terbaik. Tidak perlu menghasut, melondehkan kelemahan pihak lawan, membuat provokasi atau mengugut pengundi demi mengejar kemenangan kerana rakyat akan menghukum orang seperti ini melalui peti undi.

Belajarlah untuk menerima kekalahan dan pilihan yang dibuat oleh rakyat, terima hakikat adat bertanding ada yang menang dan ada yang kalah. Sepatutnya kita beri ruang kepada yang menang untuk buat kerja dan yang kalah wajar insaf dan cari jalan untuk perbaiki kelemahan yang ada. Soal rasuah dan salah guna kuasa juga menjadi perhatian dan perbualan yang serius dalam kalangan masyarakat. Prinsipnya kita tidak mahu

memilih individu yang mengamalkan rasuah dan terbukti terpalit dengan pelbagai kisah korupsi dan penyelewengan. Jelas sekali pada hari ini, kita dapat melihat sesetengah ahli politik sudah tidak ada lagi pakej integriti yang kita mahukan.

Ironinya, kenapa sukar sangat telus dan amanah dalam menjalankan tugas dan menguruskan harta awam. Perbuatan sesetengah ahli politik yang terpalit dengan rasuah dan penyelewengan jelas sekali mengkhianati harapan dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat dan negara.

Kita tidak mahu ahli politik seperti ini ada dalam sistem politik tanah air. Biarlah politik menjadi wadah dan platform murni yang boleh menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia. Elak juga budaya politik perkauman, ia tidak sihat untuk negara majmuk seperti kita.

Sebagai negara demokrasi, rakyat dilihat semakin matang, jadi kita mahu ahli politik juga semakin matang, profesional dan berintegriti. Walau berbeza ideologi politik, marilah kita meraikan perbezaan dan menyuburkan amalan politik yang matang dan berintegriti demi membina sebuah negara bangsa yang bersatu padu, berjaya, aman dan stabil.

Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

